



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211

Web:<http://www.pka.gov.my>
Email:onestopagency@pka.gov.my

MS ISO 9001 : 2015 REG.NO: AR3579

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: LPK:JZB/600-3/2/2 Jld.3 (3/)

Tarikh : 2 November 2018

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan,

LATIHAN DAN PENDAFTARAN eAUCTION LEMBAGA PELABUHAN KELANG

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) menjalankan lelongan awam ke atas dagangan yang tidak dituntut melebihi 4 bulan di dalam zon perdagangan bebas, Pelabuhan Klang selaras dengan subperaturan 34, Peraturan-Peraturan Zon Bebas 1991.

3. Bagi meningkatkan kecekapan hasil dan integriti pihak yang terlibat, pihak LPK akan menjalankan lelongan awam secara atas talian mulai lelongan awam ke 3 bagi tahun ini yang dijadualkan pada 4 Disember 2018.

4. Bagi tujuan tersebut, setiap pembida yang berhasrat untuk menyertai lelongan awam diwajibkan untuk menghadiri latihan yang akan dikendalikan oleh pembangun sistem lelongan awam atas talian iaitu Privasia Sdn Bhd.

5. Tujuan latihan ini adalah untuk memberi kefahaman kepada pembida mengenai cara-cara untuk berinteraksi dan mengambil bahagian dalam bidaan serta untuk mendaftarkan pembida dengan sistem tersebut.

6. Sehubungan itu, pembida yang berminat dijemput untuk menghadiri latihan dan pendaftaran pada ketetapan seperti berikut;

No	Tarikh	Masa	Tempat
1	12 November 2018	i. 10.00 pagi ii. 2.30 petang	Bilik Swettenham, LPK
2	13 November 2018	i. 10.00 pagi ii. 2.30 petang	Bilik Swettenham, LPK

7. Pihak yang berminat untuk menghadiri latihan dan membuat pendaftaran bagi mengambil bahagian dalam lelongan awam ini perlu memaklumpkannya ke emel eauction@pka.gov.my selewat-lewatnya pada 9 November 2018.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AHMAD RIZAL MOHD YUSOP)

b.p Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang